

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Oktober 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA**

### **OGOS 2023**

---

#### **Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 9.7 peratus pada Ogos 2023**

PUTRAJAYA, 10 Oktober 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Ogos 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 9.7 peratus pada bulan Ogos 2023 (31,309 tan metrik) berbanding pada bulan Julai 2023 (28,533 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan 16.9 peratus (Ogos 2022: 37,666 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Ogos 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (83.3%) berbanding sektor estet (16.7%).

Jumlah stok getah asli pada Ogos 2023 menurun 0.8 peratus kepada 142,620 tan metrik berbanding 143,757 tan metrik pada Julai 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.7%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 57,488 tan metrik pada Ogos 2023 meningkat 11.0 peratus berbanding Julai 2023 (51,784 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 47.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Ogos 2023 diikuti Jerman (8.7%), Iran (4.0%), Amerika Syarikat (2.9%) dan Pakistan (2.7%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.0 billion pada Ogos 2023, meningkat 9.4 peratus berbanding Julai 2023 (RM0.96 billion).


Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 3.9 peratus (Ogos 2023: 471.09 sen sekilogram; Julai 2023: 490.18 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 1.9 peratus (Ogos 2023: 462.05 sen sekilogram; Julai 2023: 471.14 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.7 peratus hingga 3.9 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 0.5 peratus (daripada USD 1.30/kg kepada USD1.29/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 1.5 peratus (daripada USD1.49/kg kepada USD1.47/kg).

Menurut laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Ogos 2023, harga harian SMR 20 dalam pasaran getah Kuala Lumpur bergerak dengan momentum meningkat pada hujung Ogos 2023 berbanding 31 Julai 2023. Scenario ini disokong oleh kenaikan harga minyak mentah dan langkah terbaru yang diumumkan oleh China untuk memulihkan ekonomi telah meningkatkan sentimen pasaran.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “**Statistik Nadi Kehidupan**”.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Ogos 2022 dan Julai - Ogos 2023**  
(‘000 tan metrik)



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Ogos 2022 dan Julai - Ogos 2023**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 OKTOBER 2023**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 10<sup>th</sup> October 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA  
AUGUST 2023**

---

**Malaysia natural rubber production  
increased by 9.7 per cent in August 2023**

PUTRAJAYA, 10 October 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, August 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 9.7 per cent in August 2023 (31,309 tonnes) as compared to July 2023 (28,533 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 16.9 per cent (August 2022: 37,666 tonnes). Production of NR in August 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (83.3%) as compared to estates sector (16.7%).

Total stocks of NR in August 2023 decreased by 0.8 per cent to 142,620 tonnes as compared to 143,757 tonnes in July 2023. Rubber processors factory contributed 88.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.7%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 57,488 tonnes in August 2023, increased 11.0 per cent as against July 2023 (51,784 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 47.9 per cent of total exports in August 2023

*followed by Germany (8.7%), Iran (4.0%), U.S.A (2.9%) and Pakistan (2.7%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.0 billion in August 2023, an increase of 9.4 per cent as compared to July 2023 (RM0.96 billion).*


*Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 3.9 per cent (August 2023: 471.09 sen per kg; July 2023: 490.18 sen per kg) while Scrap decreased by 1.9 per cent (August 2023: 462.05 sen per kg; July 2023: 471.14 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 0.7 per cent to 3.9 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 0.5 per cent (from USD1.30/kg to USD1.29/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 1.5 per cent (from USD1.49/kg to USD1.47/kg).*

*According to the Malaysia Rubber Board Digest August 2023, daily price of SMR 20 in the Kuala Lumpur rubber market move in an upward momentum at the end of August 2023 as compared with 31<sup>st</sup> July 2023. This scenario was supported by gains in crude oil prices and as the China announcement on the latest measure to restore its economy had lifted market sentiment.*


*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “**Statistics is the Essence of Life**”.*

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber August 2022 and July - August 2023 ('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber August 2022 and July - August 2023 ('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
10 OCTOBER 2023**